TARIKH: 20/12/23
SURAT KHABAR: KOSMO
MUKA SURAT: 3

Ibu bayi rentung trauma teringat kejadian ragut nyawa anak perempuan dan suami

# 'Setiap hari saya terjaga pukul 4 pagi'

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

**KOTA BHARU** – Hampir setiap hari, ibu kepada bayi yang rentung dalam kemalangan di Kilometer 69, Jalan Kota Bharu-Gua Musang, Kuala Krai dekat sini hujung bulan lalu masih trauma sehingga kerap terjaga daripada tidur pada pukul 4 pagi.

Nur Hasifah Razni, 25, berkata, sehingga kini, dia tidak boleh tidur nyenyak selepas pemergian anak tunggalnya, Wan Sabeena Arisha Wan Sharizat Azwan berusia tujuh bulan dalam kemalangan kira-kira pukul 4.40 pagi pada 27 November lalu.

Menurutnya, keadaan semakin sukar buatnya apabila suami, Wan Shahrizat Azwan Wan Shahril, 28, yang melecur 80 peratus, meninggal dunia di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini, lapan hari kemudian.

"Saya masih trauma. Sehingga kini, saya tidak boleh menaiki kereta dalam perjalanan yang jauh kerana bimbang akan berlaku kemalangan.

"Jika lihat pembahagi jalan atau lubang, saya berasa takut dan masih terngiang-ngiang teringat kejadian yang berlaku kepada kami sekeluarga," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tapang, Panji di sini semalam.

Terdahulu, Nur Hasifah menerima baucar pencen penakat pertama arwah suaminya yang diserahkan oleh Pengarah Keselamatan Sosial (Perkeso) Kelantan, Nora Yaacob.

Nur Hasifah yang bekerja di sebuah klinik di Berek 12, di sini memberitahu, meskipun trauma kesan daripada kejadian yang menimpanya, dia akan terus bekerja selepas ini.

Menceritakan semula detik selepas kejadian, Nur Hasifah berkata, arwah suaminya sempat meminta maaf kerana dia mengakui tidak nampak pembahagi jalan sehingga kereta Honda Jazz dipandunya merempuh kawasan tersebut.

"Arwah suami tiada hutang dengan saya kerana hajatnya sudah tertunai apabila dia sudah membawa kami sekeluarga makan angin di Kuala Lumpur.

"Dia juga suka berjalan-jalan sekiranya tidak bekerja. Arwah juga pernah berpesan agar saya menjaga Wan Sabeena Arisha sekiranya dia pergi dahulu. Tetapi, kedua-dua mereka sudah pergi dalam tragedi yang sama," katanya.

Sementara itu, Nora berkata, selepas semakan dibuat, Nur Hasifah layak menerima pencen penakat berjumlah RM546.98 setiap bulan sehingga akhir hayat selain faedah pengurusan jenazah berjumlah RM2,000 yang sudah dimasukkan ke dalam akaunnya.

*Kosmo!* pada 28 November lalu, melaporkan konvoi tiga kenderaan berakhir dengan tragedi selepas bayi perempuan berusia tujuh bulan rentung, manakala bapanya melecur 80 peratus dalam kebakaran kereta yang terbabas di Kilometer 69, Jalan Kota Bharu-Gua Musang, Kuala Krai pada 27 November lalu.

Dalam kejadian kira-kira 4 pagi itu, Wan Sabeena dan bapanya Wan Shahrizat dan Norhasidah dalam perjalanan ke Kota Bharu.

Ketua Polis Daerah Kuala Krai, Superintendan Suzaimi Mohamad berkata, hasil siasatan mendapati, kemalangan berlaku semasa kereta terbabit hilang kawalan sebelum melanggar pembahagi jalan dan kenderaan itu terbakar 100 peratus.



NORA (kanan) menyantuni Nur Hasifah (tengah) sebelum menyampaikan baucar pencen penakat arwah Wan Sharizat di rumahnya Kampung Tapang, Panji, Kota Bharu semalam.



WAN SHAHRIZAT bersama anaknya Wan Sabeena Arisha.



KEADAAN kereta dinaiki tiga beranak yang rentung.




KERATAN *Kosmo!* 28 November 2023.